



Ahli Kumpulan UEM

PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD (“PLUS BERHAD”)

No. Pendaftaran : 201101026564 (954700-A)

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) DARI YONG PENG (UTARA) KE SENAI (UTARA) FASA 2: SEDENAK – SIMPANG RENGAM [TENDER REF. NO.: PLUS/S-UUD/2025/01/012]

TAJUK TENDER	KELAYAKAN	GREED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	SKOP KERJA	TAKLIMAT TENDER & LAWATAN TAPAK	TARIKH & TEMPAT PENJUJUALAN DOKUMEN TENDER	BAYARAN DOKUMEN	SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) DARI YONG PENG (UTARA) KE SENAI (UTARA) FASA 2 : SEDENAK - SIMPANG RENGAM	Memiliki perakuan yang masih sah seperti berikut: 1) Mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 2) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) 3) Memperolehi penarafan minima 3 bintang dalam SCORE - CIDB yang masih sah sekurang-kurangnya sehingga 31 Julai 2025	Kontraktor hendaklah berdaftar dan mempunyai gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan berpengalaman dalam kerja-kerja jalan atau pavemen: Gred Gred G7 Kategori Kejuruteraan Awam (CE) Pengkhususan CE01 – Pembinaan Jalan dan Pavemen, CE02 – Pembinaan Jambatan dan Jeti, CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam, dan CE36 – Kerja-kerja Tanah Nota penting: Sila kemukakan semua salinan sijil asal yang masih berkuasanya dan satu (1) salinan pendua bagi sijil-sijil berkenaan yang disahkan (<i>certified true copy</i>) oleh Setiausaha Syarikat serta bukti pembayaran pembelian dokumen tender semasa pembelian dokumen tender.	Termasuk kerja-kerja sivil di sepanjang jajaran utama Lebuhraya Utara – Selatan termasuk seperti di bawah dan tidak terhad kepada: Kerja-kerja Tanah, Rawatan Tanah, Kerja-kerja Saliran Air, Pembinaan Pavemen, Kerja-kerja Pembinaan Jambatan dan Sistem Perlindungan Cerun dan Penstabilan, Struktur Penahan, Pengalihan Utiliti dan Perkhidmatan, Sistem Elektrikal dan Pencahayaan Jalan, Pengurusan Trafik dan Kerja-kerja Pengawalan Alam Sekitar.	Tarikh: 10 Mac 2025 (Isnin) Masa Pendaftaran: 9:00 pagi - 10:00 pagi Masa Taklimat: 10.30 pagi Tempat: Pejabat PLUS Seksyen S5 & S6, KM25, Lebuhraya Perling, 81200 Johor Bahru, Johor Koordinat: 1.4911397661, 103.6738696682 • KEHADIRAN SECARA FIZIKAL PADA SESI TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN • LAWATAN TAPAK AKAN DIBUAT SECARA MAYA SELEPAS TAKLIMAT TENDER • HANYA PENAMA DI DALAM SJIL PPK DAN SPKK ATAU PUKONSA ATAU UPKJ SAHAJA DIBENARKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK SECARA MAYA • WAKIL SELAIN DARIPADA PENAMA ADALAH TIDAK DIBENARKAN	Tempoh Jualan: 12 Mac 2025 (Rabu) hingga 26 Mac 2025 (Rabu) 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum) Lokasi: Kauunter Penjualan Tender, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Harga satu (1) set Dokumen Tender RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) (Tidak akan dikembalikan) Dokumen Tender akan dihantar melalui e-mel JLWProcurement@plus.com.my selepas pengesahan pembayaran dilakukan. Pembayaran secara dalam talian sahaja kepada:- PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD Bank CIMB Bank Berhad No. Akaun: 8000 4667 16 Rujukan Pembayaran: JLWP2 Tender Butiran Pembayaran: (Nama Syarikat yang layak membeli tender)	SERAHAN DOKUMEN TENDER SALINAN CETAK SECARA FIZIKAL Tempat: PETI TENDER (TENDER BOX). Aras Bawah, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tarikh Tutup Tender 7 April 2025 (Isnin) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari. Petender hendaklah mengemukakan Deposit Tender bernilai RM10,000.00 dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender bersama Dokumen Tender. *Sebarang kelewatan dalam penyerahan Dokumen Tender tidak akan diterima.

Petender hendaklah memenuhi syarat WAJIB berikut untuk menyertai Tender ini:

SYARAT KELAYAKAN TEKNIKAL

- Petender yang ingin menyertai Tender ini hendaklah mempunyai pengalaman melibatkan kerja-kerja jalan atau pavemen (Turapan) dalam pembinaan lebuhraya atau jalan raya (minima kategori U5/R5) dan jambatan dengan jumlah kontrak yang tidak kurang daripada RM150 juta (sama ada sebagai Syarikat entiti tunggal atau Syarikat usahasama/konsortium) dalam tempoh 15 tahun yang lepas di dalam pelantikan satu kontrak kerja. Petender diwajibkan membawa dan menunjukkan bukti pengalaman dan lantikan kepada Urusetia Tender salinan yang diakui sah (*certified true copy*) oleh Setiausaha Syarikat bagi perkara-perkara berikut :
 - Surat Setuju Terima Lantikan Projek; dan
 - Sijil Siap Kerja.
- Petender dibenarkan membentuk satu Syarikat usahasama/konsortium dengan dianggotai tidak lebih daripada dua (2) syarikat sahaja.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja sama ada sebagai Syarikat entiti tunggal atau Syarikat usahasama/konsortium. Petender yang didapati telah mengambil bahagian lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaan secara automatik.
- Penyertaan Syarikat usahasama/konsortium hendaklah disertakan dengan sesalinan Perjanjian Usahasama/Konsortium ("Perjanjian"). Perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap Syarikat usahasama/konsortium, dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat usahasama/konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan (*Jointly and Severally Liable*) bagi Syarikat usahasama/konsortium tersebut. Petender tidak dibenarkan menukar Syarikat usahasama/konsortium selepas Tarikh Tutup Tender.
- Deposit Tender berjumlah Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000.00) dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia di atas nama "PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD" hendaklah dikemukakan bersama Dokumen Tender semasa serahan sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender.

Nota:

- Kauunter pendaftaran taklimat tender akan dibuka pada jam 9.00 pagi – 10.00 pagi pada 10 Mac 2025. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender. Kontraktor yang hadir ke taklimat tender secara fizikal dan lawatan tapak (secara maya) WAJIB membawa sijil-sijil ASAL berserta SALINAN YANG DIAKUI SAH oleh SETIAUSAHA SYARIKAT (tidak akan dikembalikan) iaitu PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK), SJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) ATAU PUKONSA ATAU UPKJ dan SJIL PENARAFAN SCORE – CIDB. Kontraktor juga disarankan membawa cop syarikat lengkap beralamat dan cop bulat syarikat semasa pendaftaran.
- Setiap syarikat hanya boleh mengambil bahagian sama ada sebagai Syarikat entiti tunggal atau Syarikat usahasama/konsortium sahaja.
- Petender yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal dan lawatan tapak (secara maya) seperti yang dijadualkan di atas. Hanya penama di dalam sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan untuk menyertai sesi taklimat tender secara fizikal dan lawatan tapak (secara maya). Kontraktor yang GAGAL menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal dan lawatan tapak (secara maya) adalah TIDAK LAYAK menyertai tender. Mewakili pegawai selain daripada penama di dalam sijil atau Perwakilan Kuasa adalah TIDAK DIBENARKAN sama sekali.
- Dokumen meja tender disediakan untuk semakan di Kauunter Penjualan Tender, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada waktu pejabat (9.00 pagi – 4.00 petang) bermula pada 12 Mac 2025 hingga 26 Mac 2025.
- Harga Dokumen Tender adalah sebanyak RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja) dan TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian/online transfer* SAHAJA dengan rujukan "JLWP2 Tender" berserta "butiran nama Syarikat yang layak membeli tender" di atas nama PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD di akaun bank CIMB Bank Berhad 8000 4667 16. Sila sertakan bukti pembayaran pembelian ketika pembelian Dokumen Tender. Pembelian dokumen secara tunai adalah TIDAK DIBENARKAN.
- Wakil kontraktor yang ditahapikan untuk membuat pembelian Dokumen Tender perlulah membawa surat perwakilan kuasa berserta cop rasmi syarikat dan mengemukakan bersama sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PUKONSA atau UPKJ (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Tender.
- Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tamat tempoh pembelian Dokumen Tender sepertimana yang telah dinyatakan di atas. Dokumen Tender salinan cetak secara fizikal yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh, masa dan tempat yang dijadualkan di atas.
- Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Tender di atas adalah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya. Dokumen Tender yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dan PLUS Berhad tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kehilangan, kelewatan, kerugian dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
- PLUS Berhad tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab atau alasan sesuatu tawaran itu ditolak. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya adalah menjadi tanggungan kontraktor sepenuhnya. Pihak PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak kontraktor.
- Sebarang pertanyaan berkenaan Tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel JLWProcurement@plus.com.my